

1. Siapakah yang boleh memohon dan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh JPKN?

Pihak JPKN hanya dapat memberikan perkhidmatan kepada **Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sabah** sahaja

2. Bagaimanakah saya ingin tahu sekiranya ada kekosongan jawatan dalam JPKN?

Untuk mengetahui maklumat kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam sila rujuk **Sistem Permohonan Jawatan Online** (<http://www.jawatan.sabah.gov.my>)

3. Bagaimanakah saya ingin memohon emel rasmi kerajaan?

Untuk membuat permohonan emel rasmi kakitangan awam kerajaan negeri sabah, sila ajukan permohonan anda kepada **Ibu Pejabat/Cawangan/KSIT JPKN** yang terdekat dengan jabatan tuan/puan

4. Bagaimanakah saya ingin memohon bantuan teknikal komputer?

Bantuan teknikal boleh diberikan oleh **Cawangan/KSIT** yang terdekat atau pun **Bahagian Keselamatan Siber, JPKN**

5. Bagaimana saya ingin memohon peralatan multimedia?

Untuk membuat permohonan peralatan multimedia JPKN, sila buat permohonan anda melalui **Bahagian Operasi Teknikal ICT, JPKN**

6. Bagaimana saya ingin memohon perkhidmatan konsultansi?

JPKN juga memberi khidmat nasihat konsultansi pengkomputeran. Permohonan boleh dibuat melalui **Bahagian Perancangan & Penyelidikan, JPKN**

7. Dimana saya boleh rujuk/melapor berkenaan dengan masalah teknikal ICT?

JPKN menyediakan satu ruang/sistem untuk pengguna membuat rujukan/laporan berkenaan dengan masalah teknikal. Sistem tersebut adalah **Sistem Trek ICT** (<http://sww.compserv.sabah.gov.my/TrekICT/>)

8. Bagaimana caranya sekiranya jabatan saya ingin memohon untuk membangunkan sebuah sistem?

Sekiranya pihak jabatan tuan/puan ingin memohon bantuan dalam pembangunan sistem sila buat permohonan melalui **Bahagian Pembangunan Aplikasi, JPKN**

9. Apakah alamat web Cawangan/KSIT JPKN?

Untuk melihat dan melawat laman web cawangan dan KSIT JPKN, sila rujuk halaman **Cawangan & KSIT JPKN** (<http://www.jpkn.sabah.gov.my/ksit.asp>)